



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 7 JULAI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 7 Julai 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **4,863 kes** (719,678 kes kumulatif, 90.0%);
- Kes baharu : **7,097 kes** (799,790 kes kumulatif);
- Kes import : **26 kes** (15 warganegara, 11 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **7,071 kes** [5,521 warganegara (78.1%); 1,550 bukan warganegara (21.9%)];
- Kes aktif : **74,344 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **948 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **441 kes**;
- Kes kematian : **91 kes** (5,768 kes kumulatif, 0.72%; 79 warganegara, 12 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **2,970 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **18 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **2,120 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **850 kluster**.

Sebanyak **91 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **47 kes** di Selangor, **16 kes** di Negeri Sembilan, **10 kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, masing-masing **empat (4) kes** di Johor dan Melaka, **tiga (3) kes** di Sarawak, **dua (2) kes** di Perak, serta masing-masing **satu (1) kes** di Kelantan, Terengganu, Pahang, Wilayah Persekutuan Labuan, dan Kedah.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

## KADAR KEBOLEHJANGKITAN COVID-19 ATAU $R_0$ / $R_T$ (STATUS SEHINGGA 6 JULAI 2021)

Berdasarkan data terkini pada **6 Julai 2021**, nilai  $R_T$  Malaysia adalah sebanyak **1.08**. Negeri yang mencatatkan nilai  $R_T$  yang tertinggi adalah Wilayah Persekutuan Putrajaya (nilai  $R_T$  1.25). Manakala negeri-negeri lain yang mencatatkan  $R_T$  melebihi 1.0 adalah Pahang (nilai  $R_T$  1.18), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (nilai  $R_T$  1.16), Selangor (nilai  $R_T$  1.12), Kedah (nilai  $R_T$  1.11), Melaka (nilai  $R_T$  1.08), Sabah (nilai  $R_T$  1.04), Pulau Pinang (1.03), dan Negeri Sembilan (nilai  $R_T$  1.01).


Nilai  $R_T$  mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 5 dalam kenyataan media ini.

## **SITUASI TERKINI KAPASITI HOSPITAL BERDASARKAN NILAI AMBANG PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)**


KKM ingin memaklumkan bahawa jumlah purata kes baharu harian selama tujuh (7) hari (30 Jun 2021 hingga 6 Julai 2021) adalah sebanyak 6,539 kes. Ini didapati masih tinggi berbanding nilai ambang PPN iaitu kurang daripada 4,000 kes sehari (atau 12.2 kes baharu harian bagi setiap 100,000 penduduk). Nilai ambang 4,000 kes baharu harian ini adalah ditetapkan berdasarkan **kapasiti hospital menghadapi situasi luar jangka**, kadar kemasukan kes ke wad dan kadar discaj kes semasa. Negeri yang mencatatkan bilangan kes baharu **melebihi nilai 12.2 kes bagi setiap 100,000 penduduk** adalah Wilayah Persekutuan Labuan, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Melaka, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Sarawak, dan Pahang.

Lebih membimbangkan lagi, tren kemasukan kes-kes COVID-19 ke Unit Rawatan Rapi (ICU) masih berada pada tahap yang tinggi. Ianya tidak menunjukkan penurunan yang ketara sejak dari Minggu Epidemiologi (ME) ke-23 (6 Jun 2021 hingga 12 Jun 2021) hingga kini, di mana jumlah penggunaan katil ICU masih **melebihi 90 peratus**. Pada masa yang sama, petugas barisan hadapan (Perubatan dan Kesihatan) mengalami gejala *burnout*

kerana terpaksa berjuang menangani begitu banyak kes COVID-19 untuk tempoh yang kian berlarutan.



Graf 1: Jumlah kes berkaitan COVID-19 yang dimasukkan ke ICU bagi tahun 2021



Graf 2: Jumlah katil ICU bagi kes berkaitan COVID-19 dan kadar penggunaan katil bagi tahun 2021

Sehingga kini, empat (4) negeri menunjukkan peningkatan kes harian baharu **melebihi kapasiti maksimum hospital** di negeri tersebut (> 38 kes baharu harian bagi setiap 100,000 penduduk) adalah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, dan Wilayah Persekutuan Labuan. Kes harian baharu yang dilaporkan tidak menunjukkan tanda-tanda pengurangan malah kes meningkat secara purata 2.6 peratus selama tujuh (7) hari kebelakangan ini. Jika situasi ini berterusan, sistem

kesihatan di negeri-negeri tersebut akan lumpuh dan seterusnya situasi yang sama bagi seluruh negara mungkin berlaku.

### National Recovery Plan - by state

State	7-day daily new cases	7-day daily cases per 100,000 population	7-day average ICU utilisation	Population
WP Labuan	109	105.72	127%	103,100
Negeri Sembilan	628	54.02	168%	1,162,600
WP KL	809	42.34	102%	1,910,700
Selangor	2,692	40.09	129%	6,715,600
Melaka	261	27.17	128%	960,500
WP Putrajaya	19	20.08	132%	94,600
Sarawak	393	13.52	77%	2,907,500
Pahang	227	12.97	67%	1,750,100
Kedah	252	11.11	91%	2,267,500
Pulau Pinang	178	9.85	71%	1,806,500
Perak	198	7.58	46%	2,611,600
Johor	371	9.45	92%	3,926,500
Kelantan	122	6.23	55%	1,959,700
Sabah	242	5.98	58%	4,047,000
Terengganu	37	2.86	22%	1,294,100
Perlis	1	0.38	5%	264,700
Malaysia	6,539	19.36	96%	33,782,300

7<sup>th</sup> July 2021

CPRC Perkhidmatan Hospital

Jadual 1: Status purata kes tujuh (7) hari kebelakangan di seluruh negara

KKM khawatir dengan situasi ini dan mengambil langkah segera bagi meningkatkan lagi kapasiti merawat COVID-19 di lapangan.

Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah:

- Penukaran beberapa hospital di kawasan Lembah Klang sebagai *Full* COVID-19 Hospital, misalnya Hospital

Ampang, Hospital Sungai Buloh, dan Hospital Pakar Kanak-kanak Universiti Kebangsaan Malaysia;

- Meningkatkan lagi kapasiti katil Hospital Kuala Lumpur (HKL), Hospital Selayang dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang (HTAR) untuk dijadikan sebagai pusat rawatan pesakit kategori 4 dan 5;
- Memindahkan pesakit bukan COVID-19 ke hospital swasta terutamanya sekitar HKL dan HTAR melalui mekanisme penyumberan luar;
- Mempertimbang menukar status Hospital Shah Alam bagi merawat kes-kes COVID-19;
- Menaik taraf kegunaan katil (*repurpose bed*) di wad biasa kepada katil rawatan pesakit kritikal COVID-19;
- Menambah kapasiti katil-katil bagi menempatkan pesakit COVID-19 di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) Awam khusus dalam merawat pesakit COVID-19;
- Cadangan menggunakan Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Hospital Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai hospital COVID-19;
- Bekerjasama dengan 112 buah hospital swasta khususnya di Lembah Klang bagi rawatan pesakit COVID-19 di katil wad biasa dan di katil ICU;
- Menggalakkan penubuhan lebih banyak Pusat Kuarantin Risiko Rendah Swasta (PKRCS) kendalian fasiliti kesihatan swasta; dan



- Memobilisasikan lebih ramai petugas kesihatan dari negeri-negeri PPN Fasa 2 ke negeri-negeri kritikal bagi tujuan rawatan pesakit, mobilisasi anggota dari hospital swasta dan menggalakkan penglibatan sukarelawan dalam aktiviti-aktiviti mengawal wabak COVID-19 dan vaksinasi.

Negeri-negeri yang telah beralih ke Fasa 2 dinasihatkan untuk terus mengamalkan kepatuhan yang penuh kepada prosedur operasi standard (SOP) yang telah digariskan bagi memastikan situasi di negeri-negeri tersebut dapat terus pulih dan beralih ke fasa seterusnya bagi mempercepatkan proses pemulihan sektor kesihatan, ekonomi, dan sosial.

Pada masa yang sama, KKM menggalakkan semua negeri untuk terus menjalin dan menggandakan kerjasama antara semua pihak dalam membendung penularan wabak COVID-19 di negeri masing-masing.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

7 Julai 2021 @ 6:30 petang.

**LAMPIRAN 1**

**BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 7 JULAI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SELANGOR</b>	3,119 (5)	268,841
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	1,005 (20)	83,909
<b>JOHOR</b>	224	73,386
<b>SABAH</b>	244	71,189
<b>SARAWAK</b>	289 (1)	67,560
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	788	49,417
<b>PULAU PINANG</b>	140	35,817
<b>KELANTAN</b>	123	35,616
<b>PERAK</b>	187	27,974
<b>KEDAH</b>	198	27,061
<b>MELAKA</b>	358	20,357
<b>PAHANG</b>	258	15,235
<b>TERENGGANU</b>	43	11,521
<b>WP LABUAN</b>	93	8,858
<b>WP PUTRAJAYA</b>	26	2,448
<b>PERLIS</b>	2	601
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>7,097 (26)</b>	<b>799,790</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

## LAMPIRAN 2

Ringkasan 91 kes kematian pada 7 Julai 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang Penyakit
5678	Johor	Lelaki (WN)	30	Jenazah dibawa ke Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Obesiti
5679	Sarawak	Perempuan (WN)	82	Hospital Sibul	-
5680	Selangor	Lelaki (WN)	54	Hospital Serdang	Darah tinggi, dislipidemia, dan buah pinggang
5681	Selangor	Lelaki (WN)	54	Hospital Serdang	Kencing manis dan darah tinggi
5682	Kelantan	Perempuan (WN)	77	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Darah tinggi
5683	Selangor	Lelaki (WN)	76	Hospital Selayang	Darah tinggi
5684	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	55	Hospital Jempol	Kanser
5685	Selangor	Perempuan (WN)	39	Hospital Kajang	-
5686	Selangor	Lelaki (WN)	60	Hospital Serdang	Dislipidemia
5687	Selangor	Lelaki (WN)	58	Hospital Serdang	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
5688	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	64	Hospital Jempol	Kencing manis dan darah tinggi
5689	Selangor	Lelaki (WN)	61	Hospital Serdang	Darah tinggi, dislipidemia, dan obesiti
5690	Sarawak	Lelaki (WN)	52	Hospital Sibul	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan jantung
5691	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	61	Hospital Jelebu	Kencing manis dan darah tinggi
5692	Selangor	Lelaki (WN)	63	Hospital Serdang	Dislipidemia
5693	Selangor	Lelaki (WN)	67	Hospital Serdang	Darah tinggi, dislipidemia, dan buah pinggang
5694	Selangor	Lelaki (WN)	25	Hospital Serdang	-
5695	Johor	Perempuan (WN)	25	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Obesiti

5696	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	64	Hospital Sungai Buloh	Darah tinggi dan obesiti
5697	Selangor	Lelaki (WN)	63	Hospital Serdang	Strok
5698	Melaka	Lelaki (WN)	26	Hospital Melaka	-
5699	Selangor	Perempuan (WN)	51	Hospital Sungai Buloh	-
5700	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	88	Hospital Jelebu	Darah tinggi, dislipidemia, dan jantung
5701	Selangor	Lelaki (WN)	59	Hospital Serdang	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang
5702	Selangor	Lelaki (WN)	54	Hospital Serdang	Kencing manis dan darah tinggi
5703	Johor	Lelaki (WN)	31	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dan obesiti
5704	Selangor	Lelaki (WN)	58	Hospital Putrajaya	Darah tinggi
5705	Selangor	Lelaki (WN)	69	Pusat Perubatan Universiti Malaya	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan jantung
5706	Selangor	Lelaki (WN)	48	Hospital Putrajaya	-
5707	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	80	Hospital Jempol	-
5708	Selangor	Perempuan (WN)	63	Hospital Selayang	Kencing manis
5709	Melaka	Lelaki (WN)	54	Hospital Melaka	Dislipidemia
5710	Selangor	Lelaki (WN)	77	Hospital Rehabilitasi Cheras	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
5711	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	68	Hospital Jempol	-
5712	Selangor	Lelaki (WN)	43	Jenazah dibawa ke Hospital Kajang	-
5713	Sarawak	Perempuan (WN)	60	Hospital Sibul	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, jantung, dan buah pinggang
5714	Selangor	Lelaki (WN)	63	Hospital Selayang	Kencing manis, dan darah tinggi

5715	Selangor	Lelaki (WN)	69	Hospital Sungai Buloh	Darah tinggi, dan buah pinggang
5716	Selangor	Lelaki (WN)	52	Hospital Selayang	Kencing manis, dan darah tinggi
5717	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	73	Hospital Jempol	Kencing manis dan darah tinggi
5718	Pahang	Lelaki (WN)	62	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	Tuberkulosis
5719	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	72	Hospital Selayang	Kencing manis dan darah tinggi
5720	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	51	Hospital Jempol	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang
5721	Selangor	Perempuan (WN)	72	Hospital Banting	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
5722	Selangor	Perempuan (WN)	44	Jenazah dibawa ke Hospital Selayang	Kencing manis
5723	Selangor	Lelaki (WN)	81	KPJ Damansara	Darah tinggi dan kanser
5724	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	60	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Darah tinggi dan asma
5725	Selangor	Lelaki (WN)	70	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
5726	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	69	Hospital Tampin	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
5727	Kedah	Lelaki (WN)	78	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Kencing manis, darah tinggi, strok, dan jantung
5728	Melaka	Perempuan (WN)	46	Hospital Melaka	Kencing manis
5729	Selangor	Perempuan (WN)	98	Hospital Banting	Kencing manis dan darah tinggi
5730	Selangor	Perempuan (WN)	46	Institut Kanser Negara	Kanser
5731	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	71	Hospital Tampin	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
5732	Perak	Lelaki (WN)	67	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	Kencing manis
5733	Selangor	Perempuan (WN)	78	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Kencing manis, darah tinggi, dan jantung
5734	Selangor	Perempuan (WN)	46	Hospital Selayang	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia

5735	Perak	Perempuan (WN)	80	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	Kencing manis, darah tinggi, dan jantung
5736	Melaka	Lelaki (WN)	55	Hospital Melaka	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang
5737	Selangor	Lelaki (WN)	70	Hospital Serdang	-
5738	Selangor	Lelaki (WN)	77	Hospital Serdang	Kencing manis
5739	Selangor	Perempuan (WN)	74	Hospital Serdang	<i>Bullous Phephigoid</i>
5740	Selangor	Perempuan (WN)	73	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Kanser
5741	Selangor	Perempuan (WN)	66	Hospital Rembau	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan jantung
5742	Selangor	Lelaki (WN)	61	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis
5743	Terengganu	Lelaki (WN)	42	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu	Kencing manis, darah tinggi, dan hati
5744	Selangor	Perempuan (WN)	83	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, jantung, dan buah pinggang
5745	Selangor	Lelaki (WN)	63	Jenazah dibawa ke Pusat Perubatan Universiti Malaya	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang
5746	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	75	Pusat Perubatan Universiti Malaya	Kencing manis, darah tinggi, dan kanser
5747	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	72	Hospital Kuala Lumpur	Darah tinggi, dislipidemia, dan jantung
5748	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	56	Hospital Ampang	Darah tinggi dan asma
5749	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	55	Hospital Selayang	Kencing manis, darah tinggi, dan jantung
5750	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	51	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan strok
5751	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	98	Hospital Jelevu	Darah tinggi dan jantung

5752	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	80	Hospital Rembau	Kencing manis, darah tinggi, dan strok
5753	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	78	Hospital Rembau	Darah tinggi dan dislipidemia
5754	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	78	Hospital Jelebu	Darah tinggi, jantung, dan kanser
5755	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	73	Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	Darah
5756	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	61	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Tiroid
5757	Selangor	Perempuan (BWN)	69	Hospital Selayang	Darah tinggi
5758	WP Labuan	Lelaki (BWN)	49	Hospital Labuan	Tuberkulosis
5759	Selangor	Lelaki (BWN)	45	Jenazah dibawa ke Hospital Kajang	-
5760	WP Kuala Lumpur	Perempuan (BWN)	51	Jenazah dibawa ke Pusat Perubatan Universiti Malaya	-
5761	Selangor	Perempuan (BWN)	42	Jenazah dibawa ke Hospital Kajang	-
5762	Johor	Lelaki (BWN)	32	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Obesiti
5763	Selangor	Perempuan (BWN)	42	Hospital Serdang	Kencing manis
5764	Selangor	Lelaki (BWN)	44	Jenazah dibawa ke Hospital Kajang	-
5765	Selangor	Perempuan (BWN)	63	Hospital Selayang	Kencing manis
5766	Selangor	Lelaki (BWN)	57	Jenazah dibawa ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	-
5767	Selangor	Perempuan (BWN)	50	Jenazah dibawa ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Kencing manis
5768	WP Kuala Lumpur	Perempuan (BWN)	60	Hospital Selayang	Kencing manis

\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara



### LAMPIRAN 3

Perincian 7,097 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 7 Julai 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	3,119	240	1,503	5	1,371
WP KUALA LUMPUR	1,005	334	318	20	333
NEGERI SEMBILAN	788	268	292	-	228
MELAKA	358	207	115	-	36
SARAWAK	289	36	195	1	57
PAHANG	258	136	99	-	23
SABAH	244	63	79	-	102
JOHOR	224	61	124	-	39
KEDAH	198	64	91	-	43
PERAK	187	121	46	-	20
PULAU PINANG	140	44	34	-	62
KELANTAN	123	42	44	-	37
WP LABUAN	93	2	59	-	32
TERENGGANU	43	20	11	-	12
WP PUTRAJAYA	26	-	10	-	16
PERLIS	2	-	1	-	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>7,097</b>	<b>1,638</b>	<b>3,021</b>	<b>26</b>	<b>2,412</b>

\* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

**LAMPIRAN 4****KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA  
PADA 7 JULAI 2021**

<b>No.</b>	<b>Nama Kluster</b>	<b>Kategori Kluster</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Jumlah disaring</b>
1	Lorong Tiga Kampung Siol Kandis	Komuniti	Sarawak	Kuching dan Samarahan	69	213
2	Sungai Bedil Besar	Komuniti	Sarawak	Kuching	31	94
3	Pintasan Kota Belud	Komuniti	Sabah	Kota Belud	18	34
4	Siasai Dundau	Komuniti	Sabah	Kota Belud	35	149
5	Jalan Bukit 17	Komuniti	Johor	Johor Bahru	16	32
6	Jalan Pulasan 18	Komuniti	Johor	Johor Bahru	14	28
7	Taman Dovenby	Komuniti	Perak dan Selangor	Kuala Kangsar, Kinta, Larut, Matang, Selama, dan Gombak	34	61
8	Jalan Panchang	Komuniti	Selangor	Sabak Bernam	14	33
9	Jalan Nik Yusuf	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	14	26
10	Tasik Utama 2	Tempat Kerja	Negeri Sembilan	Seremban dan Port Dickson	27	448
11	Industri Lengkok Emas Nilai	Tempat Kerja	Negeri Sembilan	Seremban dan Port Dickson	68	1,300
12	Industri Jalan TMP Lapan	Tempat Kerja	Melaka	Melaka Tengah	22	69
13	Jalan Tun Razak Peringgit	Tempat Kerja	Melaka	Melaka Tengah	29	114
14	Jalan Metro Perdana	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur dan Selangor	Kepong, Titiwangsa, Gombak, Petaling, dan Kuala Selangor	19	116
15	Pasar Orkid Sentosa	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Selangor	20	63
16	Sejantung	Pendidikan Tinggi	Selangor	Hulu Selangor	96	152
17	Jalan Limau Kampung Pasir	Kumpulan Berisiko Tinggi	Johor	Johor Bahru	8	20
18	Jalan Parit Mahang	Kumpulan Berisiko Tinggi	Selangor	Kuala Selangor	45	71

**LAMPIRAN 5****NILAI  $R_T$  MENGIKUT NEGERI  
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN PADA 6 JULAI 2021**

<b>NEGERI</b>	<b>NILAI <math>R_T</math></b>
<b>WP PUTRAJAYA</b>	1.25
<b>PAHANG</b>	1.18
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	1.16
<b>SELANGOR</b>	1.12
<b>KEDAH</b>	1.11
<b>MELAKA</b>	1.08
<b>SABAH</b>	1.04
<b>PULAU PINANG</b>	1.03
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	1.01
<b>PERAK</b>	0.98
<b>JOHOR</b>	0.96
<b>TERENGGANU</b>	0.94
<b>WP LABUAN</b>	0.91
<b>SARAWAK</b>	0.89
<b>KELANTAN</b>	0.82
<b>PERLIS</b>	0
<b>MALAYSIA</b>	<b>1.08</b>